

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU  
MANSUR  
(SILAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.05.2015**

**Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [ SILAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan melalui statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan seramai 860,100 atau 13.5% isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan, apakah insentif yang diberikan kepada golongan ini selepas pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan GST.

**JAWAPAN**

Di bawah sistem GST, kebajikan golongan berpendapatan rendah sentiasa diberi perhatian yang utama oleh Kerajaan khususnya dalam memastikan

impak yang minima kesan dari pelaksanaan GST. Bagi mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah, Kerajaan telah memberi layanan GST kadar sifar ke atas keperluan asas seperti beras, tepung gandum, gula pasir, garam, sayur-sayuran, binatang ternakan dan daging. Senarai ini telah diperluaskan lagi ke atas barang-barang berikut:

- i. Semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport;
- ii. Roti putih dan roti wholemeal;
- iii. Serbuk kopi, serbuk teh dan serbuk koko;
- iv. Mi kuning, kue tiau, laksa dan bihun;
- v. Ubat-ubatan Penting Nasional yang meliputi 4,215 jenama ubat. Ubat-ubatan ini adalah bagi kegunaan rawatan untuk 30 jenis penyakit termasuk sakit jantung, kencing manis, darah tinggi kanser dan rawatan kesuburan;
- vi. Semua bahan bacaan kecuali majalah dan buku yang bukan bahan bacaan; dan
- vii. Surat khabar.

Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk menambah kadar penggunaan elektrik yang tidak dikenakan GST daripada 200 unit kepada

300 unit pertama. Ini bermakna, sebanyak 70 peratus isi rumah akan mendapat manfaat secara langsung daripada pelaksanaan langkah ini. Jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG juga telah diberikan pelepasan daripada GST. Melalui langkah ini, pengguna dan kumpulan sasar yang berkenaan tidak perlu membayar GST bagi pembelian petrol RON95, diesel dan LPG.

Bagi memastikan GST tidak membebankan rakyat, Kerajaan telah melebarkan bantuan subsidi bersasar seperti meningkatkan amaun pemberian BR1M dari 650 ringgit ke 950 ringgit bagi pendapatan isi rumah kurang dari 3,000 ringgit dan, 450 ringgit ke 750 ringgit bagi keluarga yang berpendapatan di antara 3,000 ringgit hingga 4,000 ringgit dan 300 ringgit ke 600 ringgit bagi individu bujang. BR1M adalah merupakan pakej pelengkap kepada semua program-program bantuan Kerajaan dalam membantu rakyat mengurangkan impak pelaksanaan GST. Kerajaan yakin langkah yang diambil ini dapat membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

Kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan kebajikan rakyat

sentiasa terpelihara khususnya dari segi mengurangkan bebanan rakyat dalam membendung peningkatan kos sara hidup. Kerajaan juga akan terus meneliti untuk menambahbaik pelaksanaan GST berdasarkan keperluan dan kedudukan ekonomi semasa.